

NOTIS PRIVASI PEKERJA UTC

Notis Privasi ini menghuraikan bagaimana United Technologies Corporation dan segmen, unit, bahagian perniagaannya, serta semua entiti operasinya yang lain, walau di mana letaknya – termasuk usaha sama yang dikawal, perkongsian dan pengaturan perniagaan lain di mana United Technologies Corporation sama ada mempunyai kepentingan kawalan atau kawalan pengurusan berkesan (secara kolektif, “UTC” atau “kami”) – mengumpul, memproses, memindahkan, berkongsi, dan menyimpan Maklumat Peribadi para pekerja. UTC komited untuk mengawal dan melindungi Maklumat Peribadi pekerja. Istilah “Maklumat Peribadi” ditakrifkan dalam [Manual Dasar Korporat UTC Seksyen 24](#).

Notis ini boleh dipinda pada bila-bila masa mengikut keperluan untuk mencerminkan apa-apa perubahan dalam amalan dan dasar UTC. Notis akan diberi berhubung pindaan seperti ini dengan menyiarkan di privacy.utc.com. Pekerja yang tiada akses kepada laman ini boleh meminta salinan notis ini daripada wakil Sumber Manusia (“HR”) dan UTC akan berusaha untuk memaklumkan pekerja apabila kami membuat perubahan kepada Notis ini. Notis ini bertujuan untuk meliputi para pekerja UTC di seluruh dunia, jadi, sesetengah amalan yang dihuraikan dalam Notis ini mungkin tidak berkenaan bagi anda. Notis ini akan diiringi notis tempatan di mana undang-undang mensyaratkannya atau untuk mencerminkan amalan tempatan atau serantau.

Apakah Maklumat Peribadi yang mungkin dikumpul oleh UTC daripada para pekerja?

UTC boleh mendapatkan Maklumat Peribadi secara langsung daripada anda, atau secara tidak langsung, seperti daripada majikan terdahulu, agensi perekrutan, sumber rekod awam, dan pihak ketiga yang lain. Maklumat Peribadi yang dikumpul oleh UTC tertakluk pada undang-undang tempatan dan keperluan perjanjian wakil pekerja.

Oleh kerana senarai di bawah adalah untuk semua warga UTC, mungkin terdapat unsur data di sini yang tidak berkenaan dengan situasi khusus anda. Sila hubungi wakil HR anda jika anda ada sebarang pertanyaan.

- Nama, termasuk nama pertama, keluarga, pertengahan, dan sebarang akhiran (seperti Junior atau Senior)
- Nombor pengenalan (keseluruhan atau sebahagian), seperti nombor pengenalan pekerja, nombor pengenalan cukai, nombor keselamatan sosial/insurans, atau nombor atau kad pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan, lesen memandu, visa, pasport, atau dokumen lain yang dikeluarkan oleh kerajaan
- Maklumat hubungan kerja, termasuk nombor telefon, nombor faksimile, alamat e-mel, nombor kelui, alamat pos, dan lokasi kerja

- Maklumat hubungan rumah, termasuk alamat rumah, nombor telefon rumah, nombor telefon bimbit peribadi, dan alamat e-mel peribadi
- Maklumat pengenalan asas, seperti tarikh lahir dan jantina
- Pengalaman kerja, pendidikan dan sejarah pekerjaan, kemahiran bahasa, kategori kemahiran lain, lesen, pensijilan, anugerah, keahlian dan penyertaan dalam persatuan perdagangan atau organisasi profesional, serta kuasa untuk melakukan pekerjaan tertentu
- Maklumat mengenai pekerjaan anda, termasuk jawatan, jabatan, fungsi tugas, jenis pekerjaan, pengelasan/gred pekerjaan, kontrak pekerjaan dan pusat kos
- Maklumat mengenai majikan anda, termasuk nama syarikat, lokasi syarikat, dan negara tempat syarikat ditubuhkan
- Maklumat carta organisasi, seperti pengenalan penyelia, pembantu dan/atau pekerja langsung anda
- Maklumat yang diperlukan untuk lencana, seperti gambar dan kebenaran yang diberi kepada anda bagi mengakses lokasi tertentu
- Maklumat pampasan dan manfaat, termasuk data pengenalan untuk benefisiari dan tanggungan anda (seperti nama, tarikh lahir, jantina, nombor pengenalan kerajaan, alamat dan data lain yang mungkin diperlukan) dan maklumat yang berkaitan dengan program manfaat khusus
- Maklumat latihan, pendidikan berterusan, pembangunan, dan penilaian prestasi
- Maklumat perancangan penggantian
- Maklumat dan log komputer, rangkaian dan komunikasi UTC yang meliputi penggunaan telefon, komputer, komunikasi elektronik (seperti e-mel dan kalendar elektronik) syarikat, dan teknologi maklumat dan komunikasi lain, termasuk tetapi tidak terhad pada nama pengguna/pengenalan log masuk, kata laluan, jawapan kepada soalan keselamatan, dan maklumat lain yang diperlukan untuk mengakses aplikasi, rangkaian, sistem dan perkhidmatan UTC, di samping maklumat yang anda simpan, hantar, serah atau terima menerusi rangkaian dan sistem UTC
- Maklumat pengumpulan dan pengagihan masa
- Penugasan kerja dan produk kerja yang mungkin termasuk hubungan kepada anda, seperti tetapi tidak terhad pada dokumen dan fail dengan anda yang dikenal pasti sebagai pengarang dan tugas yang ditugaskan kepada anda
- Maklumat pengunjung, termasuk masa, tarikh, dan lokasi lawatan, maklumat berhubung kenderaan bagi tujuan parkir, dan maklumat yang diperlukan bagi mengekalkan log dan saringan pelawat
- Maklumat pendaftaran acara, seperti keinginan untuk menghadiri sesebuah acara, keutamaan makanan, dan pengaturan perjalanan
- Maklumat mengenai keutamaan kerja anda, seperti keutamaan perjalanan dan lokasi
- Maklumat yang anda beri secara sukarela untuk disertakan dalam profil dalam sistem elektronik, termasuk tetapi tidak terhad pada nama samaran, gambar dan minat
- Maklumat hubungan sewaktu kecemasan, yang mungkin termasuk maklumat mengenai individu bukan pekerja, seperti ahli keluarga atau rakan yang anda pilih untuk kenal pasti sebagai hubungan sewaktu kecemasan
- Data lain yang diperlukan untuk menyokong aplikasi sumber manusia, senarai gaji, pentadbiran perjalanan dan perbelanjaan, termasuk tetapi tidak terhad pada maklumat akaun bank dan kad kredit

Bergantung pada keperluan dan undang-undang tempatan, UTC mungkin turut mengumpul:

- Maklumat pasport, tempat lahir, kewarganegaraan (masa lalu dan semasa), dan status mastautin
- Saringan yang diperlukan untuk pengambilan bekerja baharu, seperti pemeriksaan pendengaran, pemeriksaan perubatan, saringan dadah, dan/atau semakan latar belakang
- Maklumat berhubung kesihatan dan kecederaan, seperti kurang upaya, cuti sakit, cuti bersalin dan maklumat lain mungkin diperlukan untuk mentadbir keperluan sumber manusia dan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan
- Maklumat perkhidmatan ketenteraan
- Gambar, audio dan video, atau maklumat biometri (contohnya, cap jari, imbasan iris, atau pengecaman suara)
- Maklumat lokasi, seperti untuk aplikasi dan peranti yang memerlukan data penentu kedudukan global (juga dipanggil penjejakan lokasi)
- Maklumat yang mungkin diperlukan untuk peraturan kelulusan keselamatan atau pematuhan perdagangan antarabangsa untuk memberi anda akses kepada teknologi tertentu atau maklumat lain yang berkaitan dengan pekerjaan anda, termasuk sejarah perjalanan, hubungan peribadi dan/atau profesional, dan/atau maklumat yang mungkin diminta untuk penyaringan hubungan substantif
- Maklumat mengenai status dan ahli keluarga, seperti status perkahwinan, nama ibu bapa anda, nama keluarga sebelum berkahwin dan maklumat berhubung tanggungan anda.
- Maklumat lain, setakat yang dikehendaki oleh undang-undang tempatan, seperti kaum, agama, atau parti politik atau gabungan kesatuan sekerja/pekerja

Di negara yang menetapkan perlindungan khusus ke atas Maklumat Peribadi Sensitif (ditakrifkan dalam [Manual Dasar Korporat Seksyen 24](#), Ekshibit 1), UTC akan hanya mengumpul, memproses, atau memindahkan Maklumat Peribadi Sensitif sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang atau, dalam keadaan di mana memberi data tidak wajib, dengan persetujuan anda secara jelas.

Untuk tujuan apakah UTC mungkin menggunakan Maklumat Peribadi anda?

- Mengurus pekerjaan anda, termasuk:
 - Pampasan dan manfaat, termasuk penghasilan dan pentadbiran pelan manfaat
 - Pentadbiran senarai gaji, seperti potongan dan caruman
 - Pembangunan kerjaya, maklum balas prestasi dan kemajuan
 - Anugerah dan pengiktirafan
 - Pengumpulan dan pengagihan masa
 - Pembayaran balik perjalanan dan perbelanjaan, termasuk pentadbiran perjalanan dan/atau kad kredit
 - Latihan
 - Penempatan semula, surat penugasan, sokongan bagi para pekerja ekspatriat, visa, lesen dan kebenaran hak-bekerja lain

- Laporan cukai dan penangguhan cukai.
- Penyimpanan biografi pekerja dan pegawai, curriculum vitae dan maklumat yang seumpamanya
- Sistem e-mel dan carta organisasi
- Perancangan pola perjawatan dan penggantian
- Mengendalikan operasi perniagaan biasa, termasuk tanpa had:
 - mengendalikan penyelidikan
 - mereka bentuk dan membangunkan produk, perkhidmatan dan teknologi
 - menganalisis kos dan perbelanjaan, termasuk tetapi tidak terhad pada gaji, serta data perjalanan dan perbelanjaan
 - perkongsian maklumat dengan pelanggan dan rakan niaga (maklumat yang dikongsi dengan pelanggan dan rakan niaga terhad pada data yang diperlukan bagi tujuan kerja, seperti maklumat hubungan perniagaan)
- Bertindak balas terhadap situasi yang melibatkan risiko kesihatan atau keselamatan, termasuk kecemasan
- Mengurus komunikasi dan notis kepada para pekerja
- Mengendalikan tinjauan penglibatan pekerja dan kempen amal
- Mengurus perhubungan pekerja dan kakitangan, termasuk prosiding rungutan
- Merancang dan menyediakan program dan perkhidmatan kesihatan dan keselamatan, termasuk saringan ubat, pemprosesan pampasan pekerja, dan program kesihatan dan keselamatan yang seumpamanya
- Pelaporan dan analisis statistik, termasuk kiraan kepala perusahaan global, demografik dan pelaporan yang diperlukan oleh undang-undang yang berkuat kuasa, seperti saringan hak-untuk-kerja, persekitaran tempat kerja, pelaporan kesihatan dan keselamatan, serta pentadbiran
- Mengurus keselamatan fizikal, termasuk
 - Kawalan dan keselamatan akses
 - Akses dan keselamatan kemudahan
 - Ketersediaan menghadapi bencana
- Mengurus dan mengawal sistem Teknologi Maklumat ("IT"), seperti rangkaian komputer, e-mel, akses internet, Perancangan Sumber Perusahaan ("ERP"), dan aliran kerja, termasuk:
 - Kawalan dan keselamatan akses bagi sistem komputer dan sistem lain
 - Akses internet, intranet, e-mel, media sosial, dan sistem elektronik lain
 - Pengimbasan dan analisis virus, intrusi, dan ancaman dalaman
 - Penghasilan dan analisis log bagi tujuan kawalan keselamatan dan meja bantuan
 - Menyediakan sokongan meja bantuan dan aktiviti penyelenggaraan sistem
 - Penyandaran dan pemulihan data serta penyediaan perkhidmatan pemulihan bencana
- Menyelia penjejakan lokasi, tempoh, dan telematik lain bagi aset UTC tertentu dan bagi aplikasi tertentu untuk mengurus perkhidmatan yang disediakan, kawalan, keselamatan dan kecekapan
- Memastikan pematuhan kepada kawalan import, eksport dan perdagangan antarabangsa lain, termasuk pengurusan pendaftaran dan keizinan yang menentukan akses kepada teknologi dan/atau komoditi terkawal, dan penyaringan negara atau pihak yang disekat atau dihadkan

- Menjawab pertanyaan atau kebimbangan yang dikemukakan kepada program Ombudsman UTC
- Mengendalikan audit dan semakan pematuhan terhadap dasar, peraturan, dan undang-undang yang berkuat kuasa
- Menilai dan melaporkan konflik kepentingan
- Mengendalikan dan mengurus siasatan dalaman dan luar, termasuk semakan Undang-undang, Etika Global & Pematuhan, dan Pematuhan Perdagangan Antarabangsa serta sebarang pendedahan yang terhasil kepada agensi-agensi kerajaan
- Mendakwa dan membela tuntutan dalam litigasi, proses timbang tara, pentadbiran, atau prosiding kawal atur, termasuk tetapi tidak terhad pada aktiviti sebelum pertikaian, pengumpulan bukti, penemuan, penahanan litigasi dan usaha e-penemuan
- Menjawab pertanyaan penguatkuasaan undang-undang dan pertanyaan kerajaan yang lain
- Melindungi hak harta intelektual, termasuk tetapi tidak terhad pada pemfailan paten
- Perancangan perniagaan, termasuk perancangan untuk melaksanakan gabungan, pemerolehan dan divestitur
- Aktiviti memudahkan pengurusan pelabur untuk para pekerja yang mungkin mempunyai hak dalam saham UTC
- Sebagaimana yang dikehendaki atau diberi kuasa secara jelas oleh undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa

Dengan siapakah UTC berkongsi maklumat yang dikumpulkan ini?

Akses dalaman kepada Maklumat Peribadi pekerja disediakan atas dasar menurut keperluan. Sebagai contoh, profesional Sumber Manusia dan Senarai Gaji dalam syarikat di seluruh dunia mempunyai akses kepada Maklumat Peribadi yang berkaitan dengan bidang tanggungjawab mereka. Bilangan individu yang terhad mempunyai akses kepada Maklumat Peribadi dalam sistem IT UTC yang khusus, disebabkan oleh tanggungjawab mereka terhadap program sumber manusia di seluruh dunia. Para Pengurus dan penyelia mempunyai akses kepada maklumat berkaitan kerja bagi pekerja mereka, tetapi bukan semua Maklumat Peribadi.

Maklumat Peribadi digunakan oleh dan dikongsi dalam kalangan syarikat, subsidiari, bahagian atau kumpulan UTC yang beroperasi di seluruh dunia bagi tujuan yang dikenal pasti di atas. Kami juga mungkin berkongsi maklumat hubungan perniagaan anda dengan para pelanggan, bakal pelanggan, dan rakan niaga bagi menyokong operasi perniagaan biasa. Apabila UTC memindahkan Maklumat Peribadi anda dalam kalangan perniagaannya, ia berbuat demikian dengan mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa dan Manual Dasar Korporat UTC, termasuk [Peraturan Korporat yang Mengikat UTC](#), yang terkandung dalam [Manual Dasar Korporat Seksyen 24](#).

Di samping itu, UTC boleh memberi akses kepada atau berkongsi Maklumat Peribadi atas dasar menurut keperluan dengan pihak ketiga, seperti pembekal perkhidmatan, perunding dan kontraktor yang dipercayai yang diberi akses kepada kemudahan atau sistem UTC, dan dengan agensi-agensi kerajaan dan pihak lain

sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang. UTC hanya berkongsi Maklumat Peribadi anda di luar kumpulan syarikat UTC untuk:

- Membolehkan pembekal perkhidmatan UTC yang dilantik untuk melaksanakan perkhidmatan bagi pihak kami. Dalam hal seperti ini, UTC akan hanya berkongsi maklumat ini dengan pembekal perkhidmatan untuk tujuan yang digariskan di atas sahaja. Pembekal perkhidmatan dihadkan dari segi kontrak daripada menggunakan atau mendedahkan maklumat ini, melainkan apabila perlu untuk melaksanakan perkhidmatan bagi pihak kami atau untuk mematuhi keperluan undang-undang.
- Mematuhi obligasi undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad pada mematuhi obligasi cukai dan kawal selia, berkongsi data dengan kesatuan pekerja/sekerja dan majlis kerja, dan memberi respons kepada prosiding mahkamah atau permintaan yang sah di sisi undang-undang daripada pihak penguat kuasa undang-undang atau pengawal selia kerajaan yang lain
- Menyiasat aktiviti haram yang disyaki atau yang benar-benar berlaku
- Mencegah mudarat fizikal dan kerugian kewangan
- Menyokong jualan atau pemindahan kesemua atau sebahagian perniagaan atau aset kami (termasuk menerusi kebangkrapan)

Di manakah UTC menyimpan Maklumat Peribadi anda?

Oleh kerana UTC adalah sebuah syarikat global yang mempunyai lokasi di pelbagai negara yang berbeza, kami mungkin memindahkan maklumat anda dari satu entiti yang sah ke entiti yang lain atau dari satu negara ke negara yang lain untuk memenuhi tujuan yang disenaraikan di atas. Negara-negara ini termasuk, Amerika Syarikat, Mexico, Kanada, pelbagai negara di Eropah, dan negara-negara lain termasuk (tetapi tidak terhad pada) beberapa negara di Asia, Afrika, dan Timur Tengah. Kami akan memindahkan Maklumat Peribadi anda dengan mematuhi keperluan undang-undang yang berkuat kuasa dan hanya setakat yang perlu bagi tujuan yang dinyatakan di atas.

UTC bergantung pada mekanisme undang-undang yang ada untuk membolehkannya memindahkan Maklumat Peribadi merentas sempadan. Setakat yang UTC bergantung pada klausa kontraktual standard (juga dipanggil klausa model) atau Peraturan Korporat yang Mengikat untuk mengizinkan pemindahan ini, UTC akan mematuhi keperluan tersebut, termasuk di mana mungkin terdapat percanggahan antara keperluan tersebut dengan Notis ini. Untuk membaca [Peraturan Korporat yang Mengikat](#) UTC, sila guna menu ke bawah di <http://www.utc.com/Pages/Privacy.aspx>.

Apakah pilihan yang anda ada mengenai bagaimana UTC menggunakan Maklumat Peribadi anda?

Maklumat Peribadi anda kritikal kepada pengurusan sumber manusia UTC di seluruh dunia. Sehubungan dengan itu, melainkan ia bertentangan dengan undang-undang tempatan, perundingan kolektif, atau sekatan majlis kerja yang dipersetujui oleh UTC, pengumpulan dan penggunaan Maklumat Peribadi anda sebagaimana yang dihuraikan dalam notis ini diperlukan secara am untuk pekerjaan anda. Maklumat

Peribadi anda diperlukan untuk membayar anda, mengurus pekerjaan anda, dan mematuhi obligasi undang-undang, seperti undang-undang cukai dan peraturan pematuhan.

Bergantung pada lokasi tempat anda bekerja, undang-undang tempatan mungkin memerlukan supaya anda memberi persetujuan khusus bagi pengumpulan, penggunaan dan/atau pendedahan Maklumat Peribadi dalam keadaan tertentu. Apabila diperlukan, UTC akan meminta persetujuan seperti ini melalui kaedah yang sewajarnya dan yang dibenarkan.

Berapa lamakah UTC menyimpan Maklumat Peribadi?

UTC menyimpan Maklumat Peribadi sumber manusia untuk tempoh pekerjaan anda dan untuk sebarang tempoh tambahan sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang atau peraturan yang berkuat kuasa, mahkamah, prosiding pentadbiran atau timbang tara, atau keperluan audit. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih khusus mengenai penyimpanan maklumat sumber manusia, sila hubungi wakil HR tempatan anda.

Sebaliknya, UTC boleh menyimpan data yang diperlukan bagi tujuan perniagaan dan undang-undang, seperti, tetapi tidak terhad pada data: (a) yang diperlukan bagi tujuan perniagaan yang sah di sisi undang-undang, seperti fail kerja mengenai pelanggan, produk, perkhidmatan, teknologi, rakan niaga dan usaha berkaitan kerja lain yang mungkin secara kebetulan mengandungi maklumat mengenai anda; (b) yang anda simpan dalam ruang penyimpanan, tertakluk pada tempoh penyimpanan yang berkuat kuasa; (c) yang tertakluk pada siasatan undang-undang, prosiding kehakiman atau pentadbiran aktif, audit, atau keperluan undang-undang lain; dan (d) yang UTC perlu simpan di bawah obligasi kontraktual, undang-undang, kawal selia, atau audit.

Apakah maklumat tambahan yang pekerja tertentu perlu tahu?

Pekerja daripada EU dan negara-negara lain yang mempunyai undang-undang privasi, seperti Colombia, Serbia, dan Filipina: Anda berhak untuk meminta akses kepada dan membetulkan atau memadam Maklumat Peribadi anda, mendapatkan sekatan bagi atau membantah pemprosesan Maklumat Peribadi tertentu, dan meminta kebolehalihan data di bawah keadaan tertentu. Untuk menghubungi UTC mengenai permintaan untuk mengakses, membetulkan, memadam, membantah atau mendapatkan sekatan atau kebolehalihan, sila guna kaedah hubungan yang dinyatakan pada penghujung notis ini. Anda juga berhak untuk mengemukakan aduan kepada pihak berkuasa perlindungan data negara atau negeri anda, yang mungkin turut dikenali sebagai pihak berkuasa penyeliaan. Anda juga boleh diberi tambahan yang memberi maklumat hubungan pengawal selia negara atau kerajaan tempatan anda. Jika anda memerlukan bantuan untuk mengenal pasti pihak berkuasa perlindungan data anda, hubungi Profesional Privasi atau Pegawai Perlindungan Data anda (tersenarai di privacy.utc.com).

Pekerja dari Amerika Syarikat: UTC mengumpul Nombor Keselamatan Sosial apabila dikehendaki oleh undang-undang, seperti bagi tujuan cukai dan senarai gaji. Apabila UTC mengumpul dan/atau

menggunakan Nombor Keselamatan Sosial, UTC akan memastikan bahawa ia benar-benar melindungi kerahsiaan data ini, mengehadkan pengumpulannya, memastikan akses atas dasar perlu tahu sahaja, melaksanakan perlindungan teknikal yang sesuai, di samping memastikan pelupusan yang sewajarnya.

Pekerja yang memberi maklumat mengenai ahli keluarga dan orang lain: Untuk maklumat hubungan kecemasan, bagi melindungi tanggungan dengan manfaat yang sedia ada, anda perlu mengenal pasti benefisiari, anda boleh memilih untuk memberi kepada UTC maklumat mengenai ahli keluarga dan orang lain yang ada hubungan dengan anda. Sebelum memberi maklumat tersebut kepada UTC, anda hendaklah memastikan bahawa anda mempunyai kuasa yang sah di sisi undang-undang untuk berbuat demikian. Setakat yang anda menyediakan maklumat sebagai wakil undang-undang bagi kanak-kanak di bawah umur, pilihan anda untuk memberi maklumat ini mewakili persetujuan bahawa UTC boleh mengumpul, memproses, dan memindahkan maklumat tersebut bagi tujuan ia diberi dan sebagaimana yang tertera dalam Notis ini.

Bagaimanakah anda boleh mengakses, membetulkan, atau memohon pemadaman atau salinan Maklumat Peribadi anda?

Ramai individu mempunyai akses langsung kepada sebahagian besar Maklumat Peribadi mereka, yang terkandung dalam pelbagai sistem HR UTC dan mereka boleh mengakses, membetulkan, mengubah, memadam, atau menyalin Maklumat Peribadi ini menggunakan akses langsung tersebut. Apabila diminta, UTC juga boleh memberi kepada individu akses yang munasabah kepada Maklumat Peribadi yang sebaliknya tidak dapat diakses. Individu yang tidak mempunyai akses langsung atau yang ingin mendapatkan akses tambahan hendaklah menghubungi wakil HR tempatan anda. Untuk permintaan berhubung Maklumat Peribadi anda di luar data sumber manusia, hubungi Pegawai Etika dan Pematuhan tempatan anda, Pegawai Perlindungan Data anda, atau Profesional Privasi anda (lihat di bawah untuk mendapatkan maklumat lanjut). Mungkin terdapat sebab undang-undang atau sebab lain mengapa permintaan untuk akses, pembetulan, perubahan, pemadaman, atau untuk mendapatkan salinan dinafikan sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya.

Bagaimanakah anda boleh menghubungi UTC?

Jika anda ada pertanyaan atau kebimbangan mengenai Maklumat Peribadi anda atau ingin maklumat lanjut mengenai entiti UTC mana adalah pengawal data Maklumat Peribadi anda, anda hendaklah menghubungi wakil HR tempatan anda, Pegawai Etika dan Pematuhan tempatan, program Ombudsman, atau Profesional Privasi atau Pegawai Perlindungan Data anda. Anda boleh menghubungi program Ombudsman melalui:

Internet	http://ethics.utc.com/Pages/Ombudsman%20Program.aspx
Pos	United Technologies Corporation, Perhatian: Program Ombudsman 10 Farm Springs Road Farmington, CT 06032 Amerika Syarikat



Senarai Profesional Privasi dan Pegawai Perlindungan Data boleh didapati di privacy.utc.com. Anda boleh menghubungi Pejabat Privasi UTC di privacy.compliance@utc.com. Senarai Pegawai Etika dan Pematuhan boleh didapati di ethics.utc.com.

Kemas kini terakhir: 5 April 2018